BERITA HARIAN, SABTU, 17 OKTOBER, 1981



# $50,000 dari kilang besi

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (kanan), menerima sekeping cek bernilai $50,000 untuk Tabung Pertahanan Negara dari Pengarah Urusan Syarikat Amalgamated Steel Mill Sdn.Bhd. Encik William Cheng di pejabat Perdana Menteri, Kuala Lumpur kelmarin.

Syarikat Amalgamated Steel Mill juga menderma $150,000 kepada beberapa pertubuhan sukarela lain yang terdapat di negara ini.

Amalgamated Steel Mill merupakan kilang besi waja yang terbesar di negara ini dan dirasmikan pembukaannya oleh Menteri Perusahaan dan Perindustrian, Tengku Ahmad Rithauddeen kelmarin. Syarikat itu terletak di Kelang, Selangor.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia